

24 SEP 2001

Myanmar-Lawatan

PEMIMPIN MYANMAR JEN THAN SHWE LAWAT MALAYSIA ESOK

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Pengerusi Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe akan mengadakan lawatan tiga hari ke Malaysia mulai esok.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra hari ini, lawatan itu adalah kunjungan balas kepada lawatan yang serupa oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Myanmar Januari lepas.

"Lawatan itu (ke sini) mencerminkan hubungan yang rapat dan mesra antara kedua-dua negara yang akan mengorak langkah untuk skop kerjasama yang lebih luas antara kerajaan serta rakyat Malaysia dan Myanmar," kata kenyataan itu.

Than Shwe akan diiringi isterinya Daw Kyaing Kyaing serta lima orang menteri yang bertanggungjawab bagi pertanian dan saliran; industri; tenaga; sains dan teknologi; dan menteri di pejabat Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara serta beberapa pegawai kanan kerajaan yang lain.

Than Shwe dijadual menemui Dr Mahathir bagi membincangkan isu-isu dua hala dan serantau. Satu mesyuarat delegasi dua hala juga akan diadakan bagi membincangkan pelbagai cara memperkukuhkan hubungan dua hala itu.

Pemimpin Myanmar dan anggota delegasi itu juga akan diraikan pada jamuan malam oleh Dr Mahathir di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di Putrajaya.

Menurut Wisma Putra, lawatan pemimpin itu ke Kuala Lumpur akan disusuli dengan lawatan sehari ke Langkawi.

Di sana Than Shwe akan dibawa melawat beberapa projek pembangunan di pulau peranginan utama Malaysia itu.

-- BERNAMA

MAM ES LAT RON